

29/03/2003

Abdullah yakin BN tubuh kerajaan di Kelantan

Zulkifli Md Ali; Azman Mahmood; Manzaidi Mohd Amin
PASIR PUTEH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan bahawa beliau tetap akan memberi perhatian serius kepada Umno dan Barisan Nasional (BN) di Kelantan untuk memastikan kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, Pemangku Perdana Menteri menolak jika ada pandangan pihak tertentu menyifatkan pemimpin peringkat Pusat berputus asa konon Umno dan BN tidak ada harapan untuk memenangi pilihan raya di Kelantan.

Beliau berkata, berdasarkan perkembangan semasa dan sokongan wanita di negeri ini amat kuat, Umno dan BN perlu mengguna tenaga golongan itu sebaik mungkin bagi mencapai matlamat berkenaan.

"Saya tetap memberi perhatian kepada Umno Kelantan. Kalau ada mana-mana pihak menganggap pemimpin-pemimpin kita di Pusat tak pedulikan kepada Umno Kelantan seolah-olah give-up (putus asa) dah tak mahu lagi macam tidak ada harapan, saya masih menaruh harapan masa depan untuk Umno dan BN Kelantan memenangi pilihan raya dan menubuhkan kerajaan," katanya.

Beliau berucap pada majlis Perhimpunan Patriotisme Wanita Kelantan, di Sekolah Kebangsaan (Perempuan) Pasir Puteh, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed; Ketua Pergerakan Wanita Umno negeri, Datin Nik Azizah Nik Yahya; Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Annuar Musa dan pemimpin Umno bahagian serta ketua-ketua jabatan Kerajaan Persekutuan.

Pada majlis itu Deklarasi Wanita Umno Kelantan diserahkan Nik Azizah kepada Abdullah.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, peranan Wanita Umno amat penting yang perlu sama-sama berganding bahu untuk mengukuhkan perjuangan parti dan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, berdasarkan semangat Wanita Umno di negeri ini amat tinggi, sudah pasti mereka tidak mahu menghampakan harapan parti untuk mencapai kejayaan dalam pilihan raya umum kali ini.

"Saya tak bimbang (kesetiaan Wanita Umno) kerana wanita Kelantan terus tunjuk kesetiaan cukup tinggi kepada parti.

"Kesetiaan hendaklah dipertingkatkan dan kerja (parti) dijalankan lebih cekap dan berkesan," katanya.

Beliau berkata, hanya kerajaan BN yang sentiasa memberi tempat dan mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan negara.

Sebab itu, beliau berkata, kerajaan melaksanakan pembangunan seimbang dengan peranan lelaki dan wanita bagi memastikan wanita tidak didiskriminasikan.

Katanya, wanita yang berkebolehan dan berkemampuan tetap diberi tempat termasuk dalam pentadbiran negara dan politik tidak seperti Pas mengeneipkan golongan itu.

"Wanita kini mempunyai peranan besar dan sudah pegang pelbagai jawatan penting yang lazimnya dulu untuk lelaki.

"Pandangan sebelum ini wanita tidak boleh diberi tanggungjawab besar tidak wujud lagi dan kini golongan itu muncul sebagai tenaga kerja begitu berjaya dalam pelbagai bidang dan pentadbiran negara kerana kemampuan dan kebolehan mereka tak ada beza dengan lelaki.

"(Kerajaan BN) bukan seperti parti yang lagi satu ni (Pas), kita ambil kira jasa wanita, kebolehan wanita, kita iktiraf dan jika ada peluang tertentu kita beri kepada wanita, tidak ada diskriminasi," katanya.

Katanya, sebagai bukti kerajaan menghargai jasa wanita dengan menubuhkan

kementerian khas untuk hal ehwal wanita iaitu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga diterajui Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sebagai menterinya.

"Saya percaya wanita boleh pegang peranan besar dan lebih penting di masa akan datang," katanya.

Bercakap kepada pemberita ketika diminta mengulas adakah pemimpin Pusat yang putus asa dengan peluang Umno dan BN untuk menang pilihan raya di Kelantan, Abdullah berkata, tidak ada pemimpin Pusat putus asa dengan usaha dan semangat ditunjukkan untuk mencapai kejayaan.

"Tak tahulah...pasal orang Kelantan rajin sangat dia kata ni (suasana)... nampak macam menteri Pusat ni... give-up (putus asa). Saya tidak give up, PM (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) tidak give-up, banyak yang tak give-up," katanya.

Mengenai sokongan rakyat supaya tidak berulang kekalahan dalam pilihan raya 1999, beliau berkata, Umno dan BN mesti belajar daripada pengalaman dulu dan elakkan perkara yang boleh menjejaskan peluang parti untuk mencapai kemenangan.

"Yang perlu elak kita kena elak, kalau tidak mungkin mengalami kekalahan. Sebab itu, saya kata jangan bawa penyakit yang sama dua kali," katanya.

Beliau juga berkata, soal umum calon lebih awal untuk Kelantan belum ditentukan kerana keputusan akhir dibuat di peringkat Pusat.

Ditanya apakah isyarat Umno yang mengumumkan Mustapa akan dilantik sebagai Menteri Besar jika menang pilihan raya umum kali ini, di samping perubahan dalam barisan badan perhubungan negeri itu, Abdullah berkata, ia isyarat bahawa Umno sedia membuat apa saja perubahan.

"Itulah antara signal (isyarat). Apa yang berlaku selepas ini dan pada masa depan bergantung kepada penilaian," katanya.